



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (157-170)

Trend Penggunaan Data dalam Bidang Analisis Wacana Kritis di Malaysia

¹Muhammad Faizul Abd Hamid & ²Muhammad Zaid Daud

¹faizulhamid@upm.edu.my, ²zaid.daud@usm.my

¹*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

²*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia*

¹*Penulis Utama*, ²*Penulis Koresponden*

Tarikh terima : 30 Mac 2025
Received
Terima untuk diterbitkan : 10 Mei 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Sejak kajian dalam bidang analisis wacana kritis mula bertapak di Malaysia pada tahun 1999, bidang kajian ini telah menjadi pilihan dalam kalangan pengkaji. Namun begitu, tesis bahasa Melayu dalam bidang analisis wacana kritis masih kurang diterbitkan. Untuk merancakkan lagi kajian dalam bidang analisis wacana kritis, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan trend data menerusi tesis. Untuk mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Untuk mengenal pasti tesis dalam bidang analisis wacana kritis, kajian ini melakukan proses carian menerusi pangkalan data dalam talian yang dikenali sebagai Malaysian Thesis Online (MyTO) – <http://myto.upm.edu.my/find/>. Untuk menghuraikan trend data yang digunakan dalam tesis, kajian ini menggunakan pengkategorian oleh Culpeper dan Gillings (2019). Berdasarkan hasil kajian, kebanyakan pengkaji memilih wacana sebagai tumpuan utama dalam analisis data. Pengkaji-pengkaji terdahulu juga mengutamakan kajian kes sebagai kuantiti data. Di samping itu, pengkaji-pengkaji terdahulu cenderung memilih medium data yang berbentuk penulisan. Seterusnya, bahasa yang digunakan dalam data ialah bahasa Melayu. Bagi kategori fiksionaliti, pengkaji-pengkaji terdahulu cenderung memilih data sebenar. Kajian ini berupaya memberikan pendedahan kepada pengkaji semasa dan akan datang untuk melihat dan memilih data yang sesuai untuk dijadikan bahan kajian.

Kata kunci: analisis wacana kritis; Malaysia; trend data; tesis

Trends of Data Use in Critical Discourse Analysis Field in Malaysia

Abstract

Since the introduction of critical discourse analysis in Malaysia in 1999, the field has become increasingly popular among researchers. However, the number of theses in the Malay language focusing on critical discourse analysis remains limited. To promote further research in this area, this study aims to identify and describe the trends in data usage within academic theses. The study employs qualitative approaches. To identify relevant academic theses, the study searched the Malaysian Thesis Online (MyTO) database (<http://myto.upm.edu.my/find/>). The categorization

proposed by Culpeper and Gillings (2019) was used to analyse data trends. The findings reveal that most researchers focus primarily on discourse as the central object of their data analysis. Previous studies predominantly rely on case studies as the main data source. Additionally, there is a notable preference for written texts as the chosen data medium, emphasizing on the Malay language. In terms of fictionality, past researchers generally prefer authentic, real-world data to fictional content. This research provides valuable insights into the data trends in critical discourse analysis studies. It can serve as a guide for current and future researchers in selecting appropriate data for their analysis.

Keywords: *critical discourse analysis; data trends; Malaysia; thesis*

1. Pengenalan

Analisis wacana kritis ialah satu cabang analisis wacana yang menekankan kajian hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi dalam konteks sosial dan politik. Zaliza Zubir dan Rohizah Halim (2020) menegaskan bahawa tokoh utama analisis wacana kritis, iaitu Teun van Dijk, Ruth Wodak dan Norman Fairclough memperkenalkan pendekatan yang berbeza tetapi berkongsi matlamat sama, iaitu meneliti peranan bahasa dalam institusi politik, ekonomi dan media. Ciri utama analisis wacana kritis meliputi penumpuan pada masalah sosial, seperti dominasi dan penyalahgunaan kuasa dan dominasi serta penggunaan kaedah pelbagai disiplin dalam analisis wacana (van Dijk, 1990). Kajian awal analisis wacana kritis dipengaruhi teori linguistik kritis Jürgen Habermas serta aliran falsafah dari Sekolah Frankfurt sebelum era Perang Dunia Kedua. Kerangka konseptual bagi pendekatan ini kemudiannya diperkukuh melalui sumbangan tokoh-tokoh pascastrukturalis seperti Foucault (1972) yang menekankan hubungan antara wacana dengan kuasa, serta Pêcheux (1975) yang menghubungkan wacana dengan ideologi menerusi analisis bahasa dalam konteks sosial. Kedua-dua orang tokoh ini memberikan asas penting dalam membentuk arah tuju analisis wacana yang bersifat kritikal, iaitu satu pendekatan yang melihat bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi sebagai medium pembentukan hegemoni dan dominasi sosial.

Kajian analisis wacana kritis oleh tokoh Barat menunjukkan pendekatan dan data yang berbeza. Misalnya, Fairclough (1989) dalam *Language and Power* mengkaji ucapan-ucapan Margaret Thatcher untuk meneliti bahasa digunakan bagi membina ideologi “Thatcherisme” sebagai ‘common sense’ baharu. Beliau memperkenalkan model tiga dimensi analisis wacana kritis, iaitu analisis ciri-ciri tekstual, amalan wacana dan amalan sosial untuk menganalisis wacana secara holistik. Van Dijk (1993), melalui karya *Elite Discourse and Racism*, menganalisis wacana media dan ucapan ahli politik di Amerika dan Eropah, dengan fokus pada penguasaan ideologi dominan tersebar melalui teks berita dan rencana khas. Van Dijk (1993) menyatakan bahawa analisis wacana kritis berfokus pada cara penyalahgunaan kuasa dan ketidaksamaan diplotkan dalam wacana. Sementara itu, Wodak (1996) menggunakan pendekatan sejarah kritis untuk membina identiti nasional Austria pasca-Perang Dunia Kedua. Data kajian Wodak (1996) merangkumi teks ucapan rasmi sempena peringatan kebangsaan, perbincangan kumpulan fokus dan temu ramah kualitatif. Berdasarkan kajian analisis wacana kritis oleh tokoh Barat, analisis wacana kritis sebenarnya telah mengaplikasikan pelbagai data, dari ucapan politik, teks media, hingga temu ramah bagi mengungkap hubungan kuasa dalam wacana masyarakat.

Di Malaysia, perkembangan analisis wacana kritis bermula agak lewat. Analisis wacana kritis sampai ke Malaysia pada tahun 1999 menerusi penerbitan tesis pada peringkat doktor falsafah yang ditulis oleh Kamila Ghazali (1999). Tesis ini bertajuk *A Critical Discourse Analysis of The Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Pada tahun 2001, kajian ini telah dikembangkan pada peringkat doktor falsafah oleh Idris Aman (2001) menerusi tesis yang bertajuk *Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. Penyelidikan susulan pada peringkat doktor falsafah turut dijalankan oleh pengkaji lain seperti Munif Zariruddin Fikri Nordin (2009) dan Radiman Junaidi (2011) yang menganalisis wacana kepemimpinan Islam melalui khutbah dan ucapan pemimpin. Mohamad Fitri Mohamad Yusoff (2015) turut menerapkan analisis wacana kritis untuk menganalisis wacana muamalat dalam konteks sistem ekonomi Islam.

Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian dalam analisis wacana kritis termasuklah Neng Lia Marliana et al. (2023), Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022), Mohd Izani Mohd Zain et al. (2021), Harshita Aini Haroon et al. (2021), Muhammad Faizul Abd Hamid dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2020), Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2020), dan Rohaidah Haron (2016). Sehingga kini, masih terdapat pelajar di universiti tempatan yang memilih bidang analisis wacana kritis sebagai bidang kajian pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Pilihan ini menunjukkan bahawa bidang analisis wacana kritis sedang berkembang di Malaysia. Walau bagaimanapun, tesis bahasa Melayu dalam bidang analisis wacana kritis masih kurang dihasilkan (Muhammad Hisyam Haliah, 2019; Muhammad Faizul Abd Hamid, 2019; Radiman Junaidi, 2012). Buktinya, berdasarkan hasil carian menerusi MyTO, hanya terdapat 15 buah tesis bahasa Melayu dalam bidang analisis wacana kritis telah dihasilkan sejak tahun 2001.

Faktor seperti kekurangan kepakaran dalam analisis wacana kritis dan penekanan pada kajian bahasa Inggeris menyebabkan perkembangan analisis wacana kritis tempatan masih rendah. Keadaan ini menunjukkan bidang ini tidak berkembang seimbang dengan disiplin lain (Zaliza Zubir & Rohizah Halim, 2020). Pengaplikasian analisis wacana kritis juga terhad kepada analisis teks tanpa mengambil kira konteks sosiobudaya secara menyeluruh, sedangkan van Dijk (2009) menegaskan bahawa analisis wacana kritis memerlukan pendekatan multidisiplin termasuk kajian psikologi sosiobudaya. Kelemahan-kelemahan ini melambatkan perkembangan dan pengiktirafan analisis wacana kritis dalam arena akademik tanah air.

Kesemua pertimbangan di atas menegaskan bahawa kajian berterusan ke atas trend penggunaan data dalam analisis wacana kritis di Malaysia amat penting. Van Dijk (2015) menjelaskan bahawa analisis wacana kritis berorientasikan pendedahan ketidaksamaan sosial. Oleh hal yang demikian, kajian lanjutan perlu tertumpu pada jenis data wacana tempatan, seperti ucapan pemimpin, berita media dan media sosial yang dikira sesuai dalam usaha mendedahkan hubungan kuasa. Kajian sistematik tentang corak penggunaan data ini akan mewujudkan bank rujukan berguna bagi pengkaji akan datang dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia, seterusnya memperkukuh metodologi dan amalan analisis wacana kritis tempatan. Dengan adanya usaha ini, analisis wacana kritis di Malaysia dapat berkembang lebih pesat sebagai panduan analisis kritis yang relevan dalam usaha meneroka wacana sosial pada abad ke-21.

2. Sorotan Literatur

2.1 Asal Usul Analisis Wacana Kritis

Analisis wacana kritis muncul pada tahun 1989 sebagai respons terhadap kekurangan dalam linguistik kritis. Menurut Fairclough (1992), linguistik kritis kurang memberikan perhatian kepada konteks sosial. Bagi beliau, bahasa bukan hanya sebuah sistem, tetapi bahasa berfungsi dalam amalan sosial yang lebih besar dan terikat dengan struktur sosial yang lebih luas, yang melibatkan kuasa, ideologi, dan politik (Fairclough, 1992). Van Dijk (1993) mengkritik linguistik kritis kerana linguistik kritis cenderung menumpukan perhatian pada ciri-ciri linguistik sahaja, seperti kata, frasa, klausa dan ayat, tanpa memberikan perhatian yang mendalam kepada konteks sosial dan kognitif. Menurut van Dijk (1993), untuk memahami cara bahasa berfungsi dalam masyarakat, penganalisis wacana perlu mengaitkan struktur linguistik dengan konteks sosial dan ideologi yang lebih luas. Wodak (2001) turut berpendapat bahawa linguistik kritis kurang fleksibel dalam usaha menangani evolusi wacana bersejarah, kerana ia mengabaikan perubahan wacana sepanjang masa.

Oleh sebab kekurangan yang ada pada linguistik kritis, Fairclough dan pengkaji bahasa lain seperti van Dijk dan Wodak telah membangunkan analisis bahasa yang lebih holistik. Mereka yang membangunkan analisis bahasa ini menamakannya *critical discourse analysis* (Fairclough, 1995). Dalam bahasa Melayu, *critical discourse analysis* turut dikenali sebagai analisis wacana kritis (Asmah Omar,

2020). Walaupun namanya sama, teori dan pendekatan analisis berbeza-beza mengikut pengkaji (Fairclough, 1995).

Analisis wacana kritis membezakan analisisnya dengan linguistik kritis menerusi penekanan dalam konteks sosial yang lebih luas. Fairclough (1992) menyatakan bahawa teks tidak boleh dianalisis secara terpisah dari konteks sosialnya. Oleh itu, analisis wacana kritis melihat cara teks (seperti ucapan, tulisan, atau laporan berita) berinteraksi dengan konteks sosial yang lebih luas, termasuk faktor sejarah, ekonomi, politik, dan budaya. Fairclough (1992) juga menekankan bahawa wacana tidak terhad kepada bentuk komunikasi, tetapi juga berfungsi dalam struktur sosial. Oleh itu, Fairclough (1992), sebagai contohnya, mencadangkan pendekatan tiga dimensi yang meneliti teks, amalan wacana, dan amalan sosial. Menurut Fairclough (1992), analisis wacana tidak sepatutnya mempertimbangkan ciri linguistik teks seperti kata, frasa dan ayat sahaja, tetapi perlu meneliti proses penghasilan, penyebaran, dan penggunaannya, serta struktur sosial dan hubungan kuasa yang lebih luas yang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh wacana. Model tiga dimensi yang diperkenalkan oleh Fairclough (1992) ini membolehkan pengkaji memahami bahawa kuasa bukan sahaja dicerminkan melalui bahasa, malah dilaksanakan menerusi amalan wacana itu sendiri. Dalam pendekatan ini, Fairclough (1992) meletakkan bahasa sebagai produk dan proses sosial.

Van Dijk (1993) pula memperluas analisis wacana kritis dengan mengintegrasikan faktor sosial dan proses kognitif. Van Dijk (1993) mempercayai penilaian seseorang tentang sesebuah wacana dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial. Penilaian ini pula dibuat menerusi proses berfikir. Van Dijk (1993) menyatakan bahawa “*Discourse, communication and (other) forms of action and interaction are monitored by social cognition*”. Menurut beliau lagi, walaupun pemikiran tidak dapat diukur dengan mata kasar, amalan sosial yang tersembunyi dalam sesebuah wacana masih dapat dilihat dan diamati melalui tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang atau sesebuah masyarakat. Oleh itu, penganalisis wacana perlu peka tentang sesuatu peristiwa. Perhatian utama yang diberikan dalam analisis ini ialah isu ketidakadilan sosial dalam wacana golongan elit. Van Dijk (1990) menegaskan bahawa penelitian harus tertumpu pada amalan sosial yang bersifat dominasi dan hegemoni dalam kalangan negara-negara kaya terhadap negara-negara dunia ketiga. Van Dijk (1993) turut menyatakan bahawa analisis wacana kritis perlu membicarakan amalan sosial seperti penyalahgunaan kuasa yang terselindung di sebalik wacana. Analisis yang menggunakan pendekatan ini, misalnya, dapat menunjukkan wacana yang berat sebelah. Dalam erti kata lain, wacana yang dibina mungkin memihak kepada golongan tertentu dalam sesuatu isu (van Dijk, 1993).

Wodak (2001) pula mengembangkan analisis wacana kritis dengan meletakkan elemen sejarah kerana beliau berpendirian bahawa wacana harus disertakan dengan konteks sejarah untuk menggambarkan sesebuah masyarakat. Menurut beliau lagi, sesebuah wacana tidak dapat difahami tanpa mengambil kira konteks atau sejarah (Wodak, 2001). Sesebuah wacana hanya mempunyai makna jika sejarah wacana berkenaan di ambil kira. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah inilah yang membentuk makna sosial. Sehubungan dengan itu, sesetengah kerangka sejarah yang relevan harus menjadi sebahagian daripada analisis wacana (Hodge & Kress, 1993). Wodak (2001) menyatakan bahawa sesebuah wacana mempunyai kaitan dengan wacana lain yang dihasilkan terlebih dahulu. Sehubungan dengan itu, wujud istilah “*intertextuality of a text*”. Intertekstualiti merujuk cara pewacana memanfaatkan teks-teks yang lain dalam penghasilan teks baharu. Dengan cara ini, sesebuah wacana bersifat mapan hasil daripada kepelbagaian teks yang mendasari penghasilan wacana tersebut. Wodak (2001) kerap menganalisis wacana imigran dan multibangsa di negara Eropah. Contohnya, gambaran buruk, prejudis, dan prasangka tentang sesebuah masyarakat di Eropah wujud menerusi proses sejarah yang panjang. Sehubungan dengan itu, gambaran ini harus dirungkai dengan melihat semula latar belakangnya kerana gambaran ini merupakan peninggalan sejarah. Wodak (1996) turut menyatakan bahawa wacana terapi hanya boleh difahami dengan baiknya jika kita memahami latar belakang pesakit, gaya hidupnya dan lain-lain.

Pada era globalisasi, analisis wacana kritis memainkan peranan penting dalam usaha memahami perubahan sosial dan budaya yang berlaku akibat pertembungan pelbagai ideologi, nilai, dan bahasa pada peringkat global. Fairclough (2006) menyatakan bahawa globalisasi menghasilkan ‘wacana global’ yang menguatkan dominasi budaya tertentu, terutamanya dari negara-negara Barat, melalui media dan ekonomi. Van Dijk (2008) pula mengatakan bahawa analisis wacana kritis penting untuk melihat cara media global menggunakan bahasa untuk mempengaruhi pandangan dunia. Media global juga sering mengabaikan budaya tempatan dengan mempromosikan ideologi kuasa dominan. Wodak (2015) menegaskan bahawa globalisasi turut mencabar identiti tempatan melalui peminjaman wacana luar. Dalam hal ini, analisis wacana kritis penting untuk memahami dan mengkritik pengaruh tersebut serta membuka ruang untuk perubahan yang lebih seimbang. Sehubungan dengan itu, analisis wacana kritis memerlukan penganalisis wacana lebih peka dengan perubahan yang berlaku dalam dunia.

3. Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam pendekatan kualitatif, kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang penggunaan setiap kategori trend data. Pengkaji turut menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Bagi memanfaatkan kaedah ini, kajian ini memilih tesis dalam bidang analisis wacana kritis yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Untuk mencari dan memilih tesis-tesis dalam bidang analisis wacana kritis, kajian ini menggunakan pangkalan data dalam talian yang dikenali sebagai Malaysian Thesis Online (MyTO) – <http://myto.upm.edu.my/find/>. Pangkalan data ini dipilih kerana MyTO berfungsi sebagai repositori utama yang mengumpulkan tesis sarjana dan doktor falsafah dari semua institusi pengajian tinggi di Malaysia, sekali gus menyediakan liputan komprehensif terhadap perkembangan kajian tempatan. Selain itu, platform ini menawarkan akses teks penuh secara percuma, membolehkan penyelidik menjalankan semakan literatur dengan lebih efisien dan tanpa sekatan langganan seperti ProQuest atau EBSCO. Bagi memilih tesis-tesis yang sesuai dengan objektif kajian, kajian ini telah menetapkan beberapa kriteria pemilihan.

Pertama, tesis-tesis yang dipilih hanya melibatkan tesis yang ditulis pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Hal ini dikatakan demikian kerana tesis yang ditulis pada peringkat sarjana dan doktor falsafah menggunakan data kajian yang lebih banyak dan mempunyai huraian yang lebih mendalam (Nurul Afifah Adila Mohd Salleh et al., 2021). Kedua, tesis-tesis yang dipilih hanya melibatkan tesis yang ditulis dalam bahasa Melayu. Memandangkan tesis bahasa Melayu dalam bidang analisis wacana kritis masih kurang dihasilkan (Muhammad Hisyam Haliah, 2019; Muhammad Faizul Abd Hamid, 2019; Radiman Junaidi, 2012), maka analisis trend data bahasa Melayu dalam bidang ini mampu memberikan panduan kepada pengkaji akan datang untuk memilih data kajian yang lain. Ketiga, tesis-tesis yang dipilih juga hanya melibatkan tesis yang dihasilkan di Malaysia. Bukan itu sahaja, tiga kata kunci, iaitu ‘analisis wacana kritis’, ‘wacana kritis’ dan ‘analisis wacana’ turut digunakan untuk mencari tesis yang diinginkan. Berdasarkan hasil pencarian, terdapat 15 buah tesis telah ditemukan. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai tesis yang ditemukan dalam pangkalan data MyTO.

Jadual 1*Senarai Tesis dalam Bidang Analisis Wacana Kritis di Malaysia*

Bil.	Penulis	Tahun	Tajuk Tesis	Peringkat Pengajian	Institusi
1.	Idris Aman	2001	Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad	Doktor Falsafah	Universiti Malaya
2.	Munif Zarirudin Fikri Nordin	2008	Bahasa Kepimpinan Rasulullah S.A.W: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul	Doktor Falsafah	Universiti Malaya
3.	Maserah Shabudin	2011	Wacana dan Ideologi Oksidental dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita Berbahasa Jepun	Doktor Falsafah	Universiti Kebangsaan Malaysia
4.	Radiman Junaidi	2012	Analisis Wacana terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia
5.	Mohamad Rushdan Azizan	2012	Manifestasi Perjuangan dalam Pidato Yasser Arafat dari Sudut Analisis Wacana Kritis	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia
6.	Azhar Md. Sabil	2012	Warkah-warkah Perjanjian Melayu Abad Ke-19: Analisis Wacana Kritis	Doktor Falsafah	Universiti Malaya
7.	Rohaidah Haron	2012	Bahasa dan Identiti: Analisis Wacana UMNO Najib Razak	Doktor Falsafah	Universiti Kebangsaan Malaysia
8.	Rohaizah Ab Karim	2014	Analisis Wacana Ucapan Perdana Menteri Malaysia Keenam Sempena 100 Hari Menakhoda Negara	Sarjana	Universiti Malaya
9.	Mohamad Fitri Mohamad Yusoff	2015	Wacana Muamalat dalam Kerangka Sistem Ekonomi Konvensional	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia
10.	Siti Noor Riha Sulong	2017	Wacana Kontekstual dalam Lirik Lagu Pekaka Bercerita	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia
11.	Muhammad Faizul Abd Hamid	2019	Wacana Kritis Kredibiliti Kerajaan Malaysia dalam Teks Ucapan Belanjawan 2019	Sarjana	Universiti Putra Malaysia
12.	Ariza Abdullah	2019	Bahasa Kepimpinan Rumah Tangga Rasulullah S.A.W dalam Riwayat Aisyah R.A dari Sudut Analisis Wacana Kritis	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia


13.	Muhammad Hisyam Haliah	2019	Analisis Wacana Warkah-warkah Sosial Melayu Tradisional dari Abad Ke-17 hingga Ke-19	Sarjana	Universiti Malaya
14.	Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya	2022	Bahasa dan Ideologi Manifesto Pakatan Harapan melalui Analisis Wacana Kritis	Doktor Falsafah	Universiti Malaya
15.	Muhammad Faizul Abd Hamid	2023	Analisis Wacana Kritis dalam Teks Perutusan Khas tentang Wabak Covid-19	Doktor Falsafah	Universiti Putra Malaysia

Berdasarkan Jadual 1, 15 buah tesis yang ditemukan ialah tesis yang ditulis pada peringkat doktor falsafah, manakala tiga buah tesis lain merupakan tesis yang ditulis pada peringkat sarjana. Tesis pertama dalam bidang analisis wacana kritis yang ditulis dalam bahasa Melayu ialah tesis yang bertajuk Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Tesis ini merupakan tesis doktor falsafah yang ditulis oleh Idris Aman (2001) di Universiti Malaya. Tesis terakhir yang direkod dalam MyTO pula ialah tesis yang bertajuk Analisis Wacana Kritis dalam Teks Perutusan Khas tentang Wabak Covid-19. Tesis ini merupakan tesis doktor falsafah yang ditulis oleh Muhammad Faizul Abd Hamid (2023) di Universiti Putra Malaysia. Berdasarkan rekod yang terdapat dalam MyTO, dari tahun 2001 hingga tahun 2025, iaitu sepanjang 24 tahun, hanya 15 buah tesis bahasa Melayu dalam bidang analisis wacana kritis telah ditulis.

Bagi mengenal pasti dan menghuraikan trend data yang terdapat dalam semua tesis yang dijadikan bahan kajian, pengkategorian yang diperkenalkan oleh Culpeper dan Gillings (2019) akan digunakan. Pengkategorian ini dibangunkan oleh Culpeper dan Gillings (2019) untuk mengkaji trend data dalam sesuatu bidang melalui bahan seperti artikel, tesis, kertas kerja, buku dan sebagainya. Menurut Culpeper dan Gillings (2019), terdapat lima skema pengkategorian yang dapat mengenal pasti trend data, iaitu tumpuan utama dalam analisis data, kaedah penyelidikan, medium data, bahasa yang digunakan dalam data dan fiksionaliti. Kelima-lima pengkategorian ini amat sesuai untuk mengenal pasti trend data kerana dapat menunjukkan kupasan ilmu secara keseluruhan dalam sesuatu disiplin ilmu (Culpeper & Gillings, 2019). Rajah 1 di bawah menunjukkan pengkategorian yang diperkenalkan oleh Culpeper dan Gillings (2019).

Rajah 1

Pengkategorian Trend Data oleh Culpeper dan Gillings (2019)



4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan trend data bahasa Melayu yang digunakan dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia mengikut pengkategorian Culpeper dan Gillings (2019). Terdapat lima jenis skema pengkategorian yang akan dibincangkan, iaitu tumpuan utama dalam analisis data, kuantiti data, medium data, bahasa yang digunakan dalam data dan fiksionaliti. Huraian lanjut adalah berdasarkan lima jenis skema pengkategorian.

4.1 Tumpuan Utama dalam Analisis Data

Pada peringkat awal kajian, seseorang akan memilih bahan kajian dan melihat tumpuan utama data yang ingin dianalisis terlebih dahulu. Tumpuan utama dalam analisis data merujuk data yang dianalisis berdasarkan kata dan frasa, wacana, ciri kontekstual atau tingkah laku komunikatif (Culpeper & Gillings, 2019). Kata ialah unit bahasa yang paling kecil dan mempunyai makna tersendiri. Misalnya, kata ‘baju’, ‘saya’ dan ‘cantik’. Kata boleh berfungsi sebagai unsur yang membentuk frasa, klausa dan ayat. Frasa pula merujuk kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa. Misalnya, kata ‘baju’ yang digabungkan dengan kata ‘saya’ akan membentuk frasa nama ‘baju saya’. Wacana ialah sesuatu yang tersusun dan membawa maksud keseluruhan genre seperti teks ucapan, surat khabar, prosiding mahkamah dan lain-lain. Asmah Omar (1986) menyatakan bahawa wacana ialah kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan yang melebihi batas ayat. Ciri kontekstual merujuk persepsi seseorang terhadap sesebuah kajian. Contohnya, penelitian terhadap pandangan pendengar berkaitan dengan isu bahasa rojak. Tingkah laku komunikatif merujuk ciri-ciri bukan linguistik seperti senyap, ketawa, menjeling dan sebagainya. Jadual 2 di bawah menunjukkan tumpuan utama dalam analisis data berserta huraianannya.

Jadual 2

Tumpuan Utama dalam Analisis Data

	2001	2008	2011	2012	2014	2015	2017	2019	2022	2023
Kata dan frasa										
Wacana	1	1	1	4	1	1	1	3	1	1
Ciri kontekstual										
Tingkah laku komunikatif										

Berdasarkan Jadual 2 di atas, keputusan kajian menunjukkan bahawa kesemua pengkaji telah memilih wacana sebagai tumpuan utama dalam analisis data. Tumpuan yang diberikan ini mungkin disebabkan oleh sifat analisis wacana kritis yang meneliti data secara keseluruhan berbanding dengan penelitian yang hanya melibatkan kata dan frasa. Sehubungan dengan itu, banyak pengkaji memilih wacana sebagai tumpuan utama dalam analisis data. Antara contoh kajian yang memilih wacana sebagai tumpuan utama dalam analisis data ialah kajian Muhammad Hisyam Haliah (2019) dan Mohamad Fitri Mohamad Yusoff (2015). Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Hisyam Haliah (2019) tertumpu pada wacana warkah-warkah sosial Melayu tradisional dari abad ke-17 hingga ke-19. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Fitri Mohamad Yusoff (2015) pula tertumpu pada wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Tumpuan utama seperti ciri kontekstual dan tingkah laku komunikatif belum pernah diberikan perhatian dalam analisis data. Sehubungan dengan itu, pengkaji boleh mengambil ciri kontekstual atau tingkah laku komunikatif sebagai tumpuan utama dalam analisis data pada masa akan datang.

4.2 Kuantiti Data

Kuantiti data merujuk saiz data yang digunakan dalam kajian (Culpeper & Gillings, 2019). Terdapat beberapa jenis kuantiti data yang boleh digunakan dalam usaha menjalankan sesebuah kajian, antaranya termasuklah kajian kes, contoh, data set, korpus, dan korpus besar. Kajian kes merujuk kajian yang memilih sebuah teks atau beberapa buah teks untuk dikaji secara mendalam. Teks yang dipilih ini tidak begitu panjang dan tidak begitu pendek. Contoh pula merujuk kajian yang menggunakan ayat untuk dianalisis, tetapi penelitiannya hanya melibatkan satu atau dua ayat sahaja. Data set merujuk kuantiti data yang melibatkan banyak teks, tetapi teks yang digunakan ini masih belum memenuhi ciri-ciri yang layak dianggap sebagai korpus. Korpus pula merujuk himpunan teks yang melebihi 100,000 patah perkataan, tetapi tidak melebihi 1 juta patah perkataan. Korpus besar merujuk data yang mengandungi 1 juta patah perkataan. Jadual 3 di bawah menunjukkan penggunaan kuantiti data dalam tesis yang dipilih berserta huraian.

Jadual 3
Kuantiti Data

	2001	2008	2011	2012	2014	2015	2017	2019	2022	2023
Kajian kes	1	1	1	4	1	1	1	3	1	1
Contoh										
Data set										
Korpus										
Korpus Besar										

Berdasarkan Jadual 3 di atas, kuantiti data jenis kajian kes lebih mendapat perhatian dalam bidang analisis wacana kritis. Keadaan ini mungkin berlaku kerana kuantiti data kajian kes bersaiz sederhana. Kuantiti data kajian kes yang bersaiz sederhana amat sesuai dengan penulisan tesis. Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan tesis memerlukan data yang lebih berfokus walaupun mempunyai data analisis yang banyak (Nur Afifah Adila Mohd Salleh et al., 2021). Misalnya, teks ucapan Belanjawan Malaysia 2019 yang dijadikan data dalam kajian Muhammad Faizul Abd Hamid (2019) mempunyai 28 muka surat, 222 perenggan, 523 ayat dan 11,924 patah perkataan. Kuantiti data yang melibatkan contoh pula kurang sesuai dipilih dan digunakan kerana kajian yang dijalankan pada peringkat sarjana dan doktor falsafah memerlukan penelitian dan huraian yang lebih mendalam. Jadual 3 di atas juga menunjukkan bahawa kuantiti data yang melibatkan data set, korpus dan korpus besar belum pernah dipilih dan digunakan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan datang boleh menjadikan kuantiti data seperti data set, korpus dan korpus besar sebagai data kajian. Kuantiti data yang lebih besar membolehkan pengkaji menjalankan kajian dengan lebih mendalamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana kuantiti data yang besar membolehkan dapatan kajian menjadi lebih kukuh dari segi kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*). Kajian dengan saiz data yang besar boleh menggambarkan corak sebenar populasi atau fenomena yang dikaji (Silverman, 2013).

4.3 Medium Data

Medium data merujuk bahan yang menjadi pengantara untuk menghasilkan sesuatu (Culpeper & Gillings, 2019). Terdapat beberapa medium yang boleh dijadikan pilihan, antaranya termasuklah medium yang melibatkan penulisan, percakapan, digital, metalinguistik dan bukan verbal. Medium penulisan merujuk data yang dikarang atau ditulis oleh seseorang. Medium percakapan merujuk data yang melibatkan perbualan, perundingan, perbicaraan atau apa-apa yang dicakapkan oleh seseorang atau lebih. Medium digital merujuk data yang diproses menerusi komputer seperti e-mel, blog, Facebook, Twitter, Instagram dan seumpamanya. Metalinguistik merujuk data yang digunakan sebagai percubaan dalam eksperimen. Misalnya, data yang melibatkan sistem bahasa dengan tingkah laku manusia dalam sesebuah budaya. Data bukan verbal pula merujuk data yang melibatkan komunikasi menerusi bahasa badan seperti gaya

duduk, berjalan, berdiri, mimik muka dan sebagainya. Jadual 4 di bawah menunjukkan penggunaan medium data dalam tesis yang dipilih berserta huraianannya.

Jadual 4

Medium Data

	2001	2008	2011	2012	2014	2015	2017	2019	2022	2023
Penulisan	1	1	1	4	1	1	1	3	1	1
Percakapan										
Digital										
Metalinguistik										
Bukan verbal										

Berdasarkan Jadual 4 di atas, trend menunjukkan bahawa medium data yang melibatkan penulisan menjadi pilihan utama pengkaji terdahulu. Keadaan ini mungkin berlaku kerana data bertulis mudah diperoleh. Misalnya, koleksi ucapan dasar Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO yang digunakan dalam kajian Radiman Junaidi (2012) dapat diperoleh daripada buku koleksi ucapan Abdullah Ahmad Badawi yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN). Teks pidato Yasser Arafat yang digunakan dalam kajian Mohamad Rushdan Azizan (2012) pula dapat diperoleh daripada buku himpunan pidato Yasser Arafat yang diterbitkan oleh Muassasah (Yayasan) Yasser Arafat. Jika pengkaji ingin menggunakan medium data seperti percakapan, pengkaji perlu mentranskripsi percakapan tersebut sebelum menjalankan analisis. Langkah ini dilihat sukar dan mengambil masa yang agak lama. Sehubungan dengan itu, pengkaji-pengkaji terdahulu mengutamakan medium data yang berbentuk penulisan. Medium data seperti digital, metalinguistik dan bukan verbal juga belum pernah dipilih oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan medium data seperti ini.

4.4 Bahasa yang Digunakan dalam Data

Bahasa yang digunakan dalam data juga perlu diberikan perhatian (Culpeper & Gillings, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat kajian yang menggunakan data daripada bahasa lain selain bahasa Melayu, seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab dan sebagainya. Bukan itu sahaja, terdapat juga kajian yang membuat perbandingan antara dua data yang mempunyai dua bahasa yang berbeza. Misalnya, kajian analisis wacana kritis yang membandingkan teks ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Mahathir Mohamad dengan bekas Presiden Amerika Syarikat, iaitu Barrack Obama. Sehubungan dengan itu, subbahagian ini akan melihat trend data yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan bukan bahasa Melayu. Jadual 5 di bawah menunjukkan bahasa yang digunakan dalam data berserta huraianannya.

Jadual 5

Bahasa yang Digunakan dalam Data

	2001	2008	2011	2012	2014	2015	2017	2019	2022	2023
Bahasa Melayu	1			3	1	1	1	2	1	1
Bukan Bahasa Melayu		1	1	1				1		

Berdasarkan Jadual 5 di atas, trend menunjukkan bahawa data bahasa Melayu menjadi pilihan pengkaji terdahulu. Pemilihan ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan pengkaji ini merupakan penutur jati bahasa Melayu dan mahir dalam bidang bahasa Melayu. Oleh itu, pemilihan data dalam bahasa Melayu mampu memberikan lebih kefahaman dan memudahkan proses analisis. Antara kajian yang menggunakan data bahasa Melayu termasuklah kajian Muhammad Hisyam Haliah (2019), Muhammad Faizul Abd Hamid (2019), Siti Noor Riha Sulong (2017), Mohamad Fitri Mohamad Yusoff (2015), Rohaidah Haron (2012), Azhar Md. Sabil (2012), Radiman Junaidi (2012) dan Idris Aman (2002). Walau bagaimanapun, terdapat juga pengkaji yang menggunakan data bukan bahasa Melayu. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Ariza Abdullah (2019), Mohamad Rushdan Azizan (2012), Maserah Shabudin (2011) dan Munif Zarirudin Fikri Nordin (2008). Kajian Ariza Abdullah (2019), Mohamad Rushdan Azizan

(2012) dan Munif Zarirudin Fikri Nordin (2008) memanfaatkan data bahasa Arab, manakala kajian Maserah Shabudin (2011) memanfaatkan data bahasa Jepun. Pemilihan data berbahasa Arab dan Jepun ini disebabkan oleh pengkaji-pengkaji ini mempunyai latar belakang pendidikan dalam bahasa Arab dan Jepun.

4.5 Fiksionaliti

Fiksionaliti merujuk data yang dicipta daripada imaginasi atau data sebenar. Antara jenis fiksionaliti termasuklah data yang diambil secara semula jadi, data berbentuk fiksyen, data yang dibina dan data yang digunakan semula (Culpeper & Gillings, 2019). Data yang diambil secara semula jadi merujuk data yang diambil daripada peristiwa sebenar. Data berbentuk fiksyen merujuk data yang diada-adakan dengan rekaan. Data yang dibina merujuk data yang mempunyai contoh ringkas untuk menggambarkan sesuatu. Data yang digunakan semula merujuk data yang diambil daripada penerbitan lain untuk tujuan ilustrasi. Secara umumnya, tesis-tesis yang ditulis mempunyai kepelbagaian dari segi fiksionaliti. Oleh itu, subbahagian ini akan melihat trend data yang melibatkan fiksionaliti. Jadual 6 di bawah menunjukkan fiksionaliti data dalam penulisan tesis yang berkaitan dengan analisis wacana kritis berserta huraian.

Jadual 6
Fiksionaliti

	2001	2008	2011	2012	2014	2015	2017	2019	2022	2023
Sebenar	1	1	1	4	1	1		3	1	1
Digunakan semula										
Fiksyen							1			
Dibina										

Berdasarkan jadual 6 di atas, trend bagi kategori fiksionaliti menunjukkan bahawa data semula jadi atau data sebenar menjadi pilihan utama pengkaji dari tahun 1999 hingga tahun 2019. Antara kajian yang menggunakan data berbentuk sebenar termasuklah kajian yang dijalankan oleh Rohaidah Haron (2012) dan Azhar Md. Sabil (2012). Rohaidah Haron (2012) telah memanfaatkan enam siri ucapan yang disampaikan oleh presiden UMNO, iaitu Mohd Najib Razak, di Perhimpunan Agung UMNO, dari tahun 2004 hingga 2009. Azhar Md. Sabil (2012) pula telah memanfaatkan warkah-warkah perjanjian Melayu abad ke-19. Kajian Azhar Md. Sabil (2012) membicarakan warkah-warkah perjanjian Melayu lama sebagai proses budaya yang terkandung dalam kehidupan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian yang memanfaatkan data berbentuk fiksyen, iaitu kajian yang dijalankan oleh Siti Noor Riha Sulong (2017). Siti Noor Riha Sulong (2017) telah memanfaatkan sebuah album lagu sastera yang bertajuk *Pekaka Bercerita*. Album ini mengandungi 20 jenis lagu untuk membentuk nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Album yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini merupakan adaptasi daripada buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*.

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan trend data dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia berdasarkan tesis-tesis yang ditemukan menerusi pangkalan data dalam talian MyTO. Penelitian terhadap kelima-lima pengkategorian trend data yang digagaskan oleh Culpeper dan Gillings (2019) mendapati bahawa kebanyakan pengkaji memilih wacana sebagai tumpuan utama dalam analisis data. Selain itu, pengkaji-pengkaji terdahulu juga memilih kajian kes sebagai kuantiti data. Di samping itu, pengkaji-pengkaji terdahulu cenderung memilih medium data yang berbentuk penulisan. Seterusnya, bahasa yang digunakan dalam data kajian yang dipilih juga banyak tertumpu pada data bahasa Melayu berbanding dengan data bahasa lain. Bagi kategori fiksionaliti, pengkaji-pengkaji terdahulu mengutamakan data sebenar berbanding dengan data fiksyen. Dapatan kajian ini berupaya membantu pengkaji semasa dan pengkaji akan datang untuk melihat kecenderungan pengkaji-pengkaji terdahulu memilih data untuk menjalankan kajian mereka. Bukan itu sahaja, kecenderungan ini juga akan membantu pengkaji semasa dan pengkaji akan datang untuk melihat data yang masih kurang diberikan perhatian dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia. Oleh hal yang demikian, pengkaji semasa dan pengkaji akan datang boleh memilih data yang kurang diberikan perhatian. Pilihan data yang kurang

diberikan perhatian mampu mempelbagaikan data kajian dalam bidang analisis wacana kritis pada masa akan datang, khususnya bagi penerbitan tesis dalam bahasa Melayu.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kerangka analisis Culpeper & Gillings (2019), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan tesis analisis wacana kritis pada peringkat sarjana dan doktor falsafah berbahasa Melayu di Malaysia menumpukan analisis pada wacana teks sebenar. Data yang dikaji pula lazimnya dalam skala kecil, iaitu kajian kes. Data yang digunakan berbentuk teks bertulis dan bukan data rekaan. Sebagai contoh, kajian oleh Idris Aman (2001) bukan sahaja menggunakan data ucapan Perdana Menteri, tetapi juga menganalisis wacana pedagogi di dalam bilik darjah. Penggunaan data pedagogi oleh Idris Aman (2002) ini menandakan potensi jenis data yang masih sedikit diterokai dalam kajian analisis wacana kritis berbahasa Melayu dan menunjukkan dimensi baharu yang wajar diambil kira oleh pengkaji akan datang.

Sebenarnya, kajian analisis wacana kritis di Malaysia boleh diperluas melalui diversifikasi jenis data. Kajian lanjutan disarankan meneroka data digital seperti media sosial atau teks dalam talian, data bukan lisan atau multimodal seperti imej, video, gerak isyarat, serta penerokaan korpus teks berskala besar, selari dengan kecenderungan global yang semakin menggunakan data multimodal dan interaktif serta korpora yang lebih besar. Kesemua dapatan ini mengukuhkan keperluan kajian lanjutan dengan menekankan jurang sedia ada dalam khazanah analisis wacana kritis di Malaysia. Misalnya, kekurangan variasi medium dan bahasa data, dominasi data berbentuk kecil dan lisan sahaja, serta kekurangan kajian dalam domain baharu. Oleh itu, usaha penyelidikan masa depan penting untuk meneroka peluang dan jurang penyelidikan yang wujud dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia.

Rujukan

- Althusser, L. (1971). Ideology and ideological state apparatuses. Dlm. L. Althusser (Pnyt.), *Lenin and philosophy and other essays*. Monthly Review Press.
- Ariza Abdullah. (2019). *Bahasa kepimpinan rumah tangga Rasulullah S.A.W dalam riwayat Aisyah R.A dari sudut analisis wacana kritis* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/14269/>.
- Asmah Omar. (2020). *Wacana, teks, genre: Teori dan kaedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Md. Sabil. (2012). *Warkah-warkah perjanjian Melayu abad ke-19: Analisis wacana kritis* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Culpeper, J. & Gillings, M. (2019). Pragmatics: data trends. *Journal of Pragmatics*, 145, 4-14.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam wacana perbahasan parlimen. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(4), 186-208. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-11>.
- Eriyanto (2001). *Analisis wacana: Pengantar analisis teks media*. LKis.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). A reply to Henry Widdowson's discourse analysis: A critical view. *Language and Literature: International Journal of Stylistics*, 4(4), 49-56. <https://doi.org/10.1177/096394709600500105>.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Halliday, M. A. K. (1978). *Language as social semiotic: The social interpretation of language and meaning*. Edward Arnold.
- Harris, Z. S. (1963). *Structural linguistics*. The University of Chicago Press.
- Harshita Aini Haroon, Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir. (2021). Interdiskursiviti dalam perutusan arahan kerajaan berkaitan COVID-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(4), 21-37. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2104-02>.
- Hodge, R. & Kress, G. (1993). *Language as ideology*. Routledge.
- Idris Aman (2001). *Wacana dan kepimpinan: satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

- Kamila Ghazali (1999). *A critical discourse analysis of the speeches of Dr. Mahathir Mohamad* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Malaysian thesis online (MyTO). (1 Jun, 2022). *Analisis wacana kritis*. <http://myto.upm.edu.my/find/Search/Results?lookfor=analisis+wacana+kritis&type=AllFields>.
- Maserah Shabudin. (2011). *Wacana dan ideologi oksidental dalam iklan produk kecantikan wanita berbahasa Jepun* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izani Mohd Zain, Hishamudin Isam, Rohaidah Haron & Mashetoh Abd Mutalib. (2021). *Bahasa dan identiti kepimpinan Khaled Nordin dalam pendidikan tinggi negara*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff. (2015). *Wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/12359/>.
- Mohamad Rushdan Azizan. (2012). *Manifestasi perjuangan dalam pidato Yasser Arafat dari sudut analisis wacana kritis* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/8205/>.
- Muhammad Hisyam Haliah. (2019). *Analisis wacana warkah-warkah sosial Melayu tradisional dari abad ke-17 hingga ke-19* [Tesis sarjana yang diterbitkan]. Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/11135/>.
- Muhammad Faizul Abd Hamid. (2019). *Wacana kritis kredibiliti kerajaan Malaysia dalam teks ucapan Belanjawan 2019* [Tesis sarjana yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/14689/>.
- Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2020). Penghuraian strategi wacana teks ucapan Belanjawan 2019. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 244-263. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-14>.
- Muhammad Faizul Abd Hamid. (2023). *Analisis wacana kritis dalam teks keputusan khas tentang wabak Covid-19* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Munif Zarirudin Fikri Nordin. (2008). *Bahasa kepimpinan Rasulullah S.A.W: analisis wacana khutbah Ghazawat al-Rasul* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Neng Lia Marliana, Mohammed Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. (2023). Kajian intertekstualiti menerusi bahasa dan kepimpinan. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 34-47.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof & Karim Harun. (2021). Kajian lakuan bahasa di Malaysia: Analisis terhadap trend data. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 96-110.
- Radiman Junaidi. (2012). *Analisis wacana terhadap ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/6891/>.
- Rohaidah Haron. (2012). *Bahasa dan identiti: Analisis wacana UMNO Najib Razak* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti: Wacana Mohd Najib Razak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaizah Ab Karim. (2014). *Analisis wacana ucapan Perdana Menteri Malaysia Keenam sempena 100 Hari Menakhoda Negara* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research (4th ed.)*. SAGE.
- Siti Noor Riha Sulong. (2017). *Wacana kontekstual dalam lirik lagu Pekaka Bercerita* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/14805/>.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya. (2022). *Bahasa dan ideologi manifesto Pakatan Harapan melalui analisis wacana kritis* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Van Dijk, T. A. (1990). Discourse and society: A new journal for a new research focus. *Discourse & Society*, 1(1), 5-16.
- Van Dijk, T. A. (1993). *Elite discourse and racism*. SAGE Publications.
- Wodak, R. (1996). *Disorders of discourse*. Longman.
- Wodak, R. (2001). The discourse-historical approach. Dlm. Wodak, R. & Meyer, M. (eds.). *Methods of Critical Discourse Analysis* (hlm. 63-94). SAGE Publications.
- Zaliza Zubir dan Rohizah Halim. (2020). Analisis wacana kritis: Satu pengenalan umum. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 2(1), 57-64.

Biodata Penulis

Muhammad Faizul Abd Hamid (PhD) ialah Felo Pengajar di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Wacana, Retorik dan Tatabahasa Melayu.

Muhammad Zaid Daud (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Wacana, Semantik dan Pragmatik.